

PENGUNAAN PERPUSTAKAAN DI KALANGAN GURU PELATIH SEMESTER TIGA: SATU TINJAUAN KAJIAN

OLEH

**JAYASEELAN MUNIANDY
MAKTAB PERGURUAN MOHD KHALID
JOHOR BAHRU**

RINGKASAN EKSEKUTIF

1. Tajuk Kajian:

Penggunaan Perpustakaan Di Kalangan Guru Pelatih Semester Tiga :Satu Tinjauan

2. Nama Penyelidik:

Jayaseelan Muniandy

3. 1 Akstrak kajian:

Kajian ini bertujuan melihat penggunaan perpustakaan di kalangan guru-guru pelatih Semester Tiga. Satu ujian ringkas dan satu set soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini. Sampel kajian pula terdiri daripada 20 guru pelatih lelaki dan 96 guru pelatih perempuan Semester Tiga MPMK. Analisis data menggunakan program SPSS dan statistik deskriptif (kekerapan dan peratusan). Kajian ini merumuskan bahawa hanya 27.6% guru pelatih dapat menguasai pengetahuan mengenai kemahiran perpustakaan. Sementara aktiviti kegemaran guru pelatih lelaki dan perempuan adalah mencari dan mengumpul bahan rujukan untuk kerja kursus dan pembacaan bahan bacaan ringan seperti surat khabar dan majalah. Kemudahan-kemudahan fizikal dan profesional pula kurang memainkan peranan dalam menarik guru pelatih mengunjunginya. Ini disebabkan oleh beberapa kelemahan yang terdapat pada kedua-dua kemudahan tersebut. Akhir sekali 75% guru pelatih menghadapi masalah dalam kebanyakan item yang telah disenaraikan dalam masalah pencarian maklumat. Kesimpulannya, penggunaan perpustakaan oleh guru pelatih MPMK pada keseluruhannya berada di tahap yang sederhana.

3.2 Abstract:

The purpose of the study was to examine the use of the library by Semester 3 student teachers. A short test and a questionnaire were used as an instrument for the study. The sample of this study comprised 20 male student teachers and 96 female student teachers of MPMK. The data was analyzed by using SPSS and descriptive statistics (frequency and percentage). The study showed only 27.6% of the respondent indicated that they had the necessary library skills to access information. However the study also revealed that the student teachers use the library more for collecting reference materials related to their course work given by the lecturers and only read materials such as news papers and magazines. The physical facilities and professional support that were provided in the library were not effective enough to draw the student teachers to the library. These were due to various shortcomings in the above mentioned factors. finally, 75% of the student teachers themselves faced problems in the most of the items listed in the questionnaire. In conclusion, the study revealed that the use of the library by the student teachers was only at a satisfactory level.

4.1 Latar Belakang kajian dan Pernyataan Masalah

Sebenarnya pemilihan budaya ilmu menggalakkan perkembangan budaya fikir kerana

pendalaman dalam apa yang dibaca tidak akan menjadikan seseorang itu menerima sahaja malah menjadi pencipta yang kreatif dan pengkritik yang membina. Bagi menyaingi apa-apa cabaran, ilmu yang diperoleh dan dikuasai itulah yang menjadi benteng dalam menggalakkan hujah, mempertahankan pendapat dan menyebarkan maklumat yang berwibawa.

Lanjutan daripad perkara di atas, pada 4 Oktober 1996, dalam satu majlis Penyampaian Sijil, bekas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM), Tan Sri Datuk Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin telah menegaskan tentang kepentingan memiliki budaya membaca di kalangan guru pelatih maktab perguruan. Menurut beliau lagi lapangan perguruan ialah lapangan ilmu dan orang lain tidak terlibat sehebat guru. Sebelum menanamkan tabiat membaca di kalangan murid-murid, guru-guru terlebih dahulu hendaklah menunjukkan bahawa mereka juga banyak membaca. Pada tahun yang sama KPPM juga pernah menekankan kepentingan budaya memburu ilmu di kalangan guru pelatih. Oleh yang demikian, untuk mempertingkatkan budaya ilmu ini, guru-guru pelatih haruslah mengetahui kemahiran-kemahiran menggunakan perpustakaan supaya tidak menghabiskan masa yang bernilai dengan hanya mencari bahan-bahan yang diperlukan di perpustakaan untuk satu jangka masa yang begitu panjang dan membosankan.

Bagi menggalakkan para guru pelatih berkunjung ke perpustakaan, perkhidmatan yang disediakan itu hendaklah menarik dan berprofesional supaya mereka memperoleh faedah yang optimum. Sebaliknya perpustakaan di MPMK pula memberi ruang kepada kita untuk meninjau akan pengaruhnya terhadap pembelajaran guru pelatih. Sungguhpun perpustakaan dibuka dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang, ianya tutup pada pukul 1.00 hingga 2.00 petang supaya kakitangannya berihat. Ini menyebabkan guru-guru pelatih tidak berpeluang untuk mengunjunginya pada masa tersebut. Selepas 2.00 petang guru pelatih pula menghadiri kuliah. Ringkasnya guru-guru pelatih MPMK mempunyai masa yang amat terhad untuk membuat rujukan di perpustakaan. Pada hari Sabtu pula, perpustakaan dibuka sehingga 12.30 tengah hari. Pada masa ini kebanyakan guru pelatih sama ada balik ke kampung masing-masing atau terlibat dengan aktiviti-aktiviti kokurikulum. Ekoran daripada masalah di atas, para pensyarah juga turut merungut berkenaan kerja kursus para guru pelatih yang tidak berkualiti. Mereka mendapati kebanyakan guru pelatih tidak menggunakan bahan-bahan rujukan dari perpustakaan. Oleh yang demikian penyelidik ingin mengetahui mengapa para guru pelatih mempunyai pengetahuan yang cetek atau kerja kursusnya tidak berkualiti? Adakah faktor-faktor kurang berkunjung ke perpustakaan merupakan punca berlaku kelemahan ini ataupun faktor tidak memiliki kemahiran-kemahiran perpustakaan menggalakkan rungutan para pensyarah? Setakat ini belum ada kajian yang seumpama ini dikendalikan di MPMK. Justeru itu kajian ini akan membolehkan kita mengetahui sedikit sebanyak tentang punca-punca berlakunya masalah tersebut dan cadangan akan dapat dikemukakan untuk memperbaiki kepincangan-kepincangan tersebut.

4.2 Pernyataan Masalah:

Saudara Tan Chee Yong (1985) dalam kajiannya menerangkan perpustakaan merupakan suatu aspek yang penting dalam semua institut pengajian tinggi termasuk maktab perguruan. Dalam sebuah maktab perguruan, guru pelatih boleh menggunakannya sebagai suatu sumber untuk mendapatkan bahan rujukan, suatu tempat di mana dia dapat membaca atau membuat penulisannya tanpa gangguan

ataupun untuk tujuan perkembangan minda yang lain. Berdasarkan fungsi yang diberikan kepada perpustakaan, perasaan tidak puas hati daripada kalangan pensyarah jelas membayangkan guru-guru pelatih Semester Tiga tidak menggunakan perpustakaan dengan sepenuhnya untuk menghasilkan kerja kursus yang benar-benar berkualiti. Tambahan pula pembentangan dan perbincangan yang dilakukan di bilik-bilik kuliah juga kurang berkesan. Kebanyakannya gemar memberikan pandangan masing-masing tanpa merujuk kepada mana-mana bahan rujukan sedangkan perpustakaan MPMK dikatakan penuh dengan bahan bacaan terkini.

Justeru itu kita haruslah mengkaji akan kebenaran tentang kedudukan perpustakaan MPMK dan kemudahan yang disediakan di perpustakaan tersebut. Berdasarkan suasana dan perkhidmatan yang sedia ada, sejauhmanakah para guru pelatih Semester Tiga berusaha mememanfaatkannya ke tahap optimum demi mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran. Kita juga perlu melihat sama ada sikap tidak menggunakan perpustakaan secara efektif akan meninggalkan sebarang kesan terhadap pembentangan dan penyediaan kerja kursus. Setakat ini belum ada kajian berkenaan topik ini di MPMK. Justeru wajar isu yang disebut tadi diselidiki demi kebaikan bersama.

5. Populasi dan keberihalan persempelan

Daripada populasi 248 orang guru pelatih Semester Tiga seramai 116 orang telah dipilih sebagai subjek kajian. Pemilihan rawak secara stratifikasi telah digunakan untuk memilih subjek kajian. Antara sebbab-sebab pemilihan rawak secara stratifikasi digunakan adalah untuk memastikan subjek kajian benar-benar mewakili populasi dari segi jumlah unit dan jantina populasi MPMK. Bagi tiap-tiap komposisi jantina 50% dipilih sebagai sampel secara rawak mengikut bidang pengkhususan. Contohnya jika Unit Pengajian Tamil mempunyai 40 orang guru pelatih di mana 30 orang perempuan dan selebihnya lelaki, maka 15 orang guru pelatih perempuan dan 5 orang guru pelatih lelaki telah dipilih secara 'stratified random sampling'.

6. Methodologi

6.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan di mana soal selidik digunakan untuk mengendalikannya.

6.2 Instrumentasi

6.2.1 Soal selidik

Soal selidik telah digubal khusus untuk kajian ini dan ianya merangkumi empat bahagian untuk menjawab tiga soalan kajian.

1. Bahagian A – berkenaan aktiviti-aktiviti yang meminati guru pelatih Semester Tiga. Terdiri daripada 10 item.
2. Bahagian B – berkenaan kemudahan-kemudahan yang disediakan di perpustakaan. Terdiri daripada 21 item.

3. Bahagian C – berkenaan masalah- masalah yang dihadapi oleh guru pelatih Semester Tiga. Terdiri daripada 8 item.

6.2.2 Ujian Ringkas.

Ujian ini terdiri daripada 10 soalan objektif yang menguji 10 bentuk kemahiran mencari maklumat di perpustakaan. Ujian ini telah direka untuk menjawab soalan pertama daripada empat soalan kajian.

6.3 Prosedur Pengumpulan Data

Soal selidik dan Ujian Ringkas

Satu kajian rintis (pilot testing) telah dijalankan bagi mendapatkan keesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Selepas satu bulan barulah kajian sebenar telah dilaksanakan. Untuk mengendalikan kajian sebenar sampel telah dikumpulkan dalam satu bilik. Taklimat ringkas telah diberi tentang tujuan dan cara menjawab soal selidik dan ujian ringkas ini diikuti dengan perbincangan mengenai masalah-masalah berkenaan urusan menjawab soal selidik dan ujian ringkas. Kemudian subjek telah menjawab soal selidik.

6.4 Prosedur Analisis Data.

Soal selidik dan Ujian Ringkas

Data yang diperoleh daripada kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social sciences (SPSS) untuk mengira frekuensi dan peratusan bagi setiap item.

7. Dapatan Kajian

Apabila dilihat dari segi kemahiran perpustakaan cuma 54.4% daripada responden berupaya menjawab setiap soalan ujian ringkas dengan betul. Ini bermakna hampir 50% atau dengan lebih tepat 45.6% tidak mengetahui setiap bentuk kemahiran perpustakaan yang dikemukakan dalam ujian ringkas tersebut. Daripada 45.6% yang menjawab dengan salah lebih kurang 22% mengaku dengan ikhlas mereka tidak tahu jawapan. Ini merupakan satu keadaan yang perlu diberi perhatian dengan serius.

Apabila dilihat dari segi kelemahan dalam jenis-jenis kemahiran perpustakaan didapati sebilangan besar guru pelatih tidak mengetahui kemahiran-kemahiran mencari maklumat menerusi kaedah abstrak (84.5%), Tesaurus (81.9%), Ensiklopedia (62.1%) dan Direktori (54.3%)

Penyelidik dapat merumuskan bahawa sungguhpun setiap responden mempunyai pengetahuan mengenai kemahiran perpustakaan pada tahap sederhana (54.4%) tetapi cuma 27.6% responden yang berjaya menguasai kemahiran tersebut pada tahap yang boleh dibanggakan. Ini merupakan satu petanda yang tidak baik. Keadaan seumpama ini tidak harus wujud di sebuah institusi pengajian tinggi di mana 72.4% belum lagi berjaya menguasai kemahiran perpustakaan yang dianggap sebagai satu kemahiran yang penting dalam perkembangan ilmu.

68% guru pelatih telah memilih aktiviti mencari dan mengumpul bahan-bahan rujukan untuk menyediakan kerja kursus. Ini merupakan aktiviti pilihan utama guru pelatih lelaki (80%) dan guru pelatih perempuan (66%) semasa berada di perpustakaan. Dalam pada itu sebilangan besar responden (46%) berkunjung ke perpustakaan semata-mata membaca surat khabar dan majalah. Seramai 45% guru pelatih lelaki dan 46% guru pelatih perempuan telah memilih aktiviti ini sebagai aktiviti pilihan kedua. Pada

amnya kedua-dua guru pelatih lelaki (15%) dan perempuan(17%) telah meletakkan aktiviti bersempang segai aktiviti pilihan terakhir di perpustakaan.Sungguhpun begitu satu perkara yang mengecewakan ialah hanya sebilangan kecil di kalangan mereka (25%) telah memilih aktiviti penulisan artikel untuk majalah atau suratkhobar.

Menyentuh tentang soalan kajian ketiga iaitu mengenai kemudahan-kemudahan fizikal dan profesional pula pada amnya kemudahan-kemudahan tersebut kurang memainkan peranan yang berkesan dalam menarik guru pelatih mengunjungi perpustakaan.

Pada amnya guru pelatih menghadapi pelbagai masalah semasa berada di perpustakaan. 80.8% guru pelatih bersetuju mencari bahan merupakan antara masalah utama kerana sukar memperoleh sumber-sumber yang hendak dicari. Ini diikuti dengan masalah ketiadaan bahan yang dicari(80.2%). Satu lagi masalah besar guru pelatih semasa mencari maklumat di perpustakaan ialah menghabiskan masa yang terlalu banyak disebabkan tidak mengetahui cara mudah mencari maklumat(74%).

8. Penutup

Pada dasarnya perpustakaan ialah tempat menimba ilmu pengetahuan dan menjana minda.Keberkesanan penggunaannya di pusat-pusat pengajian tinggi seperti maktab perguruan banyak bergantung kepada faktor-faktor kemahiran mencari maklumat dan kemudahan-kemudahan yang disediakan di situ supaya lebih ramai mengunjunginya.Oleh yang demikian, penyelidik mendapati sungguhpun penggunaan perpustakaan di Maktab Perguruan Mohd Khalid(MPMK) tidak berada pada tahap yang cemerlang namun kedudukannya tidaklah pula jatuh ke tahap yang terlalu lemah. Walau bagaimanapun jika pihak maktab berupaya melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan itu secara efektif nescaya perpustakaan MPMK mampu menjadi teman setia setiap guru pelatih yang menimba ilmu di pusat pengajian tersebut

9. Bibliografi/ Rujukan

Anwar Ibrahim, (1989). Menangani Perubahan. KL: berita Publishing.Sdn.Bhd

Berqust, et al. (1986). Abstrak kajian 'Coping with the Critical Essay in a large Lecture Course'.

Greenberg and Mark. (1986). Abstrak kajian 'Intergrating Library Research skills into the basic Course Curriculum'.

Kamal Talib (1985). Peranan Pusat Sumber dalam Majalah Suara Perpustakaan Ipoh: Jabatan pendidikan Ipoh.

Laporan Persidangan Pusat Sumber sekolah, (1993) Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kaplowitz, (1986). Abstrak kajian 'A pre and post test evaluation of the English Library Instruction Program at ULCA.

Mat Jizat Abdul, (1982). Peranan Perpustakaan dalam Melaksanakan Kurikulum 3M dalam Jurnal Tempawan, Maktab Perguruan Ilmu Khas.

Naina Mohammad B. Md.Noor, (1991). Tinjauan Terhadap Keberkesanan Penggunaan Perpustakaan Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim dalam Jurnal Pendidikan Guru, Bil 7,1991.

Pihak Perpustakaan (1989). Penggunaan Bahan-bahan Bacaan/Rujukan oleh Guru-guru Pelatih Maktab Perguruan Teruntum dalam Jurnal Maktab Perguruan Teruntum 1989.

Siti Hajar Hj Abdul Aziz dan Kamaruddin Hj Husin, (1996). Pusat Sumber Sekolah. KL: Kumpulan Budiman.Sdn.Bhd

Tan Chee Yong, (1985). Tingkah laku Guru Pelatih Dalam Perpustakaan maktab Perguruan dalam Jurnal Iktisas, Maktab Perguruan Ipoh,Kinta.

Umar Junus, (1976). Perkembangan Puisi Melayu Moden, KL:Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Prather and Clemons, (1981). Abstrak kajian. Results of a survey of Pullen Library Users Instructional Research Report.

Petikan Akhbar berita harian, 18 september 1996.

Petikan Akhbar Star, 5 November 1996.

Petikan Akhbar New Straits Times, 16 Mac 1997.